



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERHUBUNG TAHAP KEMAHIRAN  
KEBOLEHKERJAAN DAN KEMAHIRAN TEKNIKAL  
YANG MAMPU MENINGKATKAN PENDAPATAN  
RAKYAT DI NEGERI SELANGOR**

---

## KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	PENDAHULUAN	3
2	FAKTA/LATAR BELAKANG	4
	TAKLIMAT / PENDENGARAN / LAWATAN TERTUTUP	
	3. TAKLIMAT BERKAITAN JOBSMALAYSIA OLEH JABATAN TENAGA KERJA (JTK) DAN LAWATAN KE PUSAT JOBSMALAYSIA.	4-10
	4. TAKLIMAT BERSAMA WAKIL DARI BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM) DAN Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN, PENERUSI JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN GENERASI MUDA & SUKAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN UNTUK MEMBINCANGKAN ISU MENINGKATKAN KEMAMPUAN PASARAN ANAK-ANAK MUDA DI NEGERI SELANGOR.	10-15
	5. TAKLIMAT TERBUKA BERSAMA WAKIL DARI GIATMARA, INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN), DAN KOLEJ KOMUNITI.	15-21
6	PENEMUAN JAWATANKUASA	21-22
7	SARANAN JAWATANKUASA	23-24
8	PERAKUAN	25
	AHLI-AHLI JAWATANKUASA	26
	URUS SETIA	27
	PEGAWAI-PEGAWAI YANG TURUT HADIR SEMASA MESYUARAT	27-28

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG TAHAP KEMAHIRAN KEBOLEHKERJAAN DAN KEMAHIRAN TEKNIKAL YANG MAMPU MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT DI NEGERI SELANGOR**

---

**PENDAHULUAN**

Penyata ini bertujuan untuk mengenalpasti isu berkaitan tahap Kemahiran Kebolehkeraan (*employability / soft skills*) dan Kemahiran Teknikal (*Hard skills*) dalam kalangan rakyat di Negeri Selangor dan usaha kerajaan dalam menambahbaik isu tersebut sebagai salah satu langkah untuk membantu golongan miskin meningkatkan tahap pendapatan mereka. JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat / taklimat sebanyak lima (5) kali pada 10 Disember 2019, 6 Januari 2020, 13 Januari 2020, 21 Januari 2020, dan 28 Januari 2020. Dalam mesyuarat jawatankuasa bilangan 16/2019, bertarikh 10 Disember 2019, jawatankuasa telah memutuskan untuk membentangkan penyata berkenaan Tahap Kemahiran Kebolehkeraan dan Kemahiran Teknikal yang mampu meningkatkan pendapatan rakyat pada Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Ketiga Yang Keempat Belas Tahun 2020. JPK-Pembasmian Kemiskinan telah menjemput agensi/individu yang berkaitan untuk memberi taklimat tertutup bagi membantu jawatankuasa menilai isu berkaitan Tahap Kemahiran Kebolehkeraan dan Kemahiran Teknikal yang mampu meningkatkan pendapatan rakyat di Negeri Selangor.

## **2. LATAR BELAKANG**

2.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat Bil 1/2020 pada 6 Januari 2020 dan telah menjemput Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor (JTK) untuk menyampaikan taklimat berkaitan JobsMalaysia di Negeri Selangor. Jawatankuasa juga telah mengadakan sesi 'walk-in' ke Pusat JobsMalaysia di UTC iaitu pada mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 2/2020 bertarikh 13 Januari 2020 untuk menilai tahap perkhidmatan yang ditawarkan oleh JobsMalaysia. Pada 21 Januari 2020, mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 3/2020 telah mengadakan taklimat bersama wakil dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan untuk membincangkan isu meningkatkan kebolehpasaran anak-anak muda di Negeri Selangor. Jawatankuasa juga telah menjemput Giatmara, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), dan Kolej Komuniti pada 28 Januari 2020 untuk memberi taklimat terbuka berkenaan Kursus Kemahiran Teknikal yang ditawarkan serta isu-isu yang berkaitan.

## **3. TAKLIMAT BERKAITAN JOBSMALAYSIA OLEH JABATAN TENAGA KERJA (JTK) DAN LAWATAN KE PUSAT JOBSMALAYSIA.**

3.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan taklimat terbuka bersama JTK Negeri Selangor pada 6 Januari 2020 yang telah disampaikan oleh Encik Ahmad Mudi Onn bin Nor (Pengarah JTK Negeri Selangor) dan Encik Mohd Azizi bin Mohd Nasir (Penolong Pengarah JTK Negeri Selangor). Mesyuarat telah dihadiri oleh ahli-ahli berikut:

- 1) Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran  
(ADN Bukit Gasing)
- 2) Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin  
(ADN Permatang)
- 3) Y.B Tuan Chua Wei Kiat  
(ADN Rawang)
- 4) Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof  
(ADN Dusun Tua)
- 5) Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni  
(ADN Sungai Kandis)
- 6) Y.B Tuan Ahmad Mustain bin Othman  
(ADN Sabak)

3.1.1 Jawatankuasa mengambil maklum kedudukan JTK yang merupakan jabatan dibawah Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab dalam menguruskan Pusat JobsMalaysia melalui cawangan di setiap negeri. Terdapat dua jabatan utama di dalam struktur organisasi JTK iaitu Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Perkhidmatan Pekerja.

3.1.2 Jawatankuasa juga mengambil maklum akan peranan JTK membantu rakyat memilih dan memohon pekerjaan melalui sistem penjodohan pekerjaan automatik atas talian yang dikenali sebagai JobsMalaysia yang boleh diakses secara percuma oleh pencari kerja dan juga kepada majikan di Portal JobsMalaysia.

- i) Pihak JTK memaklumkan bahawa pihaknya juga merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan lesen kepada Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang membangunkan sistem penjodohan pekerjaan automatik atas talian seperti Jobstreet.

3.1.3 JTK juga memaklumkan bahawa terdapat perbezaan dalam kalangan majikan berkenaan kriteria pencari kerja yang mereka inginkan dan

sistem pemadanan pekerjaan automatik yang wujud di Portal JobsMalaysia tidak menjamin pencari kerja untuk terus ditawarkan pekerjaan yang mereka inginkan. Hal ini kerana majikan mempunyai hak untuk memilih pencari kerja secara manual iaitu melalui proses temuduga.

3.1.4 Jawatankuasa mengambil maklum tiada keutamaan diberikan kepada golongan miskin untuk ditawarkan pekerjaan oleh majikan kerana kriteria yang ditetapkan adalah berdasarkan jenis pekerjaan yang ditawarkan.

3.1.5 Berkenaan Portal JobsMalaysia, JTK memaklumkan portal telah ditambahbaik dan ia boleh membantu pencari kerja dalam penyediaan resume dan mengetahui kecenderungan minat pencari kerja melalui ujian psikometrik. Majikan juga boleh menentukan kriteria pencari kerja yang bersesuaian dengan pekerjaan yang ditawarkan.

- a. Jawatankuasa mengambil maklum perkhidmatan ujian psikometrik boleh dipengaruhi oleh persekitaran dan pencari kerja yang mahu mengetahui kecenderungan minat digalakkan untuk menjalani sesi kaunseling kerjaya.
- b. JTK memaklumkan belum ada lagi perkhidmatan kaunseling kerjaya yang berstruktur oleh JobsMalaysia, namun bagi pencari kerja yang ingin nasihat kerjaya boleh mendapatkan bimbingan di Pusat JobsMalaysia.
- c. Pencari kerja boleh mendapatkan panduan berkenaan cara penggunaan portal JobsMalaysia dan juga cara untuk mengisi maklumat carian kerja di Portal. Mereka juga akan diberi panduan berkenaan cara untuk membuat semakan susulan permohonan pekerjaan kepada majikan yang berkenaan.

- d. Jawatankuasa mengambil maklum berkenaan isu semakan maklum balas majikan selepas proses permohonan kerja melalui JobsMalaysia memerlukan pencari kerja untuk memuat turun aplikasi JobsMalaysia di telefon pintar.
- e. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa JTK tidak mengadakan program khusus untuk meningkatkan tahap kemahiran pencari kerja yang diperlukan oleh majikan, namun JTK akan memaklumkan institusi yang menganjurkan program sedemikian.

3.1.6 Portal tersebut juga dilengkapi dengan kemudahan yang membolehkan majikan dan pencari kerja berinteraksi untuk memudahkan lagi proses penawaran dan penempatan kerja.

3.1.7 Jawatankuasa mengambil maklum usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak JTK melalui JobsMalaysia dalam membantu pencari kerja dan majikan untuk bersemuka dan berinteraksi secara efektif.

- 1) Jawatankuasa mengambil maklum kekangan yang dihadapi oleh pihak JobsMalaysia untuk mengadakan karnival berskala kecil di kawasan luar bandar. Antara kekangan tersebut adalah seperti berikut:-
  - i) Tidak mendapat sambutan dari orang awam.
  - ii) Tidak mencapai tahap yang diinginkan oleh majikan.
- 2) Jawatankuasa juga mengambil maklum JobsMalaysia mengambil kira masa, lokasi, kos dan impak pelaksanaan program sebelum menganjurkan karnival / JobFair.
- 3) Jawatankuasa juga mengambil maklum usaha JobsMalaysia bekerjasama dengan pihak sekolah dan Institusi Pengajian

Tinggi untuk memberi pendedahan awal kepada golongan muda sebelum mereka menamatkan pelajaran.

3.1.8 Jawatankuasa juga mengambil maklum perkongsian JTK berkenaan peluang pekerjaan bagi golongan yang memiliki kemahiran vokasional lebih besar memandangkan perkhidmatan golongan tersebut mendapat permintaan yang tinggi di dalam pasaran.

3.1.9 Jawatankuasa mengambil maklum kadar peratusan pengangguran di Selangor ialah 2.8% melibatkan 99,600 orang dan JTK berpendapat faktor utama pengangguran adalah dadah.

i) Jawatankuasa dimaklumkan bahawa tiada peruntukan undang-undang yang membolehkan pihak JTK untuk memaksa golongan penganggur untuk menggunakan sistem penjodohan pekerjaan automatik atas talian dengan mendaftar di portal jobsMalaysia.

ii) Jawatankuasa mengambil maklum sasaran jumlah pencari kerja yang berjaya mendapat penawaran dan penempatan pekerjaan pada 2019 adalah 17,200 orang, namun yang berjaya hanya 15,000 orang sahaja.

3.2 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan lawatan ke Pusat JobsMalaysia di UTC pada 13 Januari 2020 secara 'walk-in' untuk menilai tahap perkhidmatan yang ditawarkan oleh JobsMalaysia dan berikut adalah maklum balas dari Y.B. Ahli Jawatankuasa:-

3.2.1 Y.B. Dusun Tua

a) Y.B. telah mencuba perkhidmatan mencari kerja secara atas talian (*online*) iaitu melalui Portal JobsMalaysia dan mendapati terdapat kekeliruan berkenaan ID Pengguna



(*Username*) yang sebenarnya adalah Nombor Kad Pengenalan pengguna.

- b) Y.B. juga mendapati perkhidmatan kemudahan komputer yang dilengkapi internet untuk mendaftar di Portal JobsMalaysia mempunyai kekangan dari segi kelajuan internet.
- c) Y.B. juga mendapati borang yang perlu diisi oleh Pencari Kerja di Portal terlalu banyak dan pencari kerja perlu mengisi borang yang berbeza bagi permohonan kerja mengikut sektor (Swasta dan kerajaan).
- d) Y.B. juga memaklumkan terdapat dua cara bagi Pencari Kerja dalam memilih pekerjaan/jawatan di Portal tersebut. Pertama adalah melalui sistem penjodohan pekerjaan (*Job Matching*) yang akan memaklumkan kepada pengguna selepas tempoh 24 jam. Kedua adalah dengan Pencari Kerja memilih sendiri majikan dan jawatan/pekerjaan di ruangan yang telah disediakan.
- e) Y.B. juga merasakan layanan yang diterima dari pegawai di Pusat JobsMalaysia adalah bersikap sambil lewa.

### 3.2.2 Y.B. Permatang

- a) Y.B. telah mendapatkan maklumat berkenaan perkhidmatan untuk Majikan oleh JobsMalaysia dan mendapati majikan hanya perlu mengemukakan dokumen pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

- b) Y.B. juga mendapati tiada kemudahan bagi majikan yang ingin mendapatkan pekerja untuk jangka masa pendek.
- c) Antara syarat bagi majikan ialah gaji minimum yang ditawarkan mestilah RM1,100 dan pekerja haruslah berumur 18 tahun dan ke atas. Tiada peluang pekerjaan bagi yang berumur 17 tahun (lepasan SPM).
- d) Majikan akan diberi senarai calon pekerja melalui sistem penjodohan pekerjaan (*Job Matching*).
- e) Layanan dan maklum balas pegawai yang bertugas juga tidak menunjukkan mereka menguasai maklumat tambahan berkenaan pendaftaran Majikan di Portal JobsMalaysia dan pegawai mengatakan kekangan tempoh bekerja selama 7 bulan sebagai sebab tidak dapat menyampaikan maklumat tambahan.

### 3.2.3 Y.B. Sungai Kandis

- a) Y.B. mendapati capaian untuk mencari kerja di Portal JobsMalaysia adalah terhad dan Y.B. berpendapat hal ini kerana hubungan kerjasama yang kurang diantara JobsMalaysia dengan agensi/jabatan kerajaan.

## **4. TAKLIMAT BERSAMA WAKIL DARI BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM) DAN Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN, PENERUSI JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN GENERASI MUDA & SUKAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN UNTUK MEMBINCANGKAN ISU MENINGKATKAN KEBOLEHPASARAN ANAK-ANAK MUDA DI NEGERI SELANGOR.**

- 4.1 Taklimat berkenaan isu meningkatkan kebolehpasaran anak-anak muda di Negeri Selangor telah disampaikan Y.B. Tuan Mohd

Khairuddin Bin Othman, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan dan Encik Daniyal Bin Mat Jusoh, Penolong Setiausaha (Pembangunan Sosial), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), pada 21 Januari 2020. Mesyuarat telah dihadiri oleh ahli-ahli berikut:

- 1) Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran  
(ADN Bukit Gasing)
- 2) Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin  
(ADN Permatang)
- 3) Y.B. Tuan Chua Wei Kiat  
(ADN Rawang)
- 4) Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof  
(ADN Dusun Tua)
- 6) Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni  
(ADN Sungai Kandis)

4.2 Perbincangan Bersama Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan Dan Pembangunan Modal Insan adalah seperti berikut:-

4.2.1 Jawatankuasa mengambil maklum penerangan Y.B. EXCO tentang statistik penduduk di Selangor seramai 6.6 juta penduduk dan dari jumlah tersebut, 2.953 juta penduduk merupakan golongan belia yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Ini bermaksud hampir 50% penduduk di Selangor merupakan golongan belia.

4.2.2 Y.B. EXCO telah memaklumkan bahawa daripada keseluruhan jumlah belia di Selangor, hanya 152,000 belia sahaja yang terlibat secara aktif di dalam persatuan / pertubuhan belia di Selangor.

4.2.3 Y.B. EXCO telah memaklumkan kebimbangan beliau terhadap baki jumlah belia yang tidak terlibat dengan mana-mana persatuan / pertubuhan iaitu melibatkan 2.8 juta belia.

4.2.4 Berkenaan isu pengangguran di Selangor yang melibatkan 99,600 orang (2.8%), Y.B. EXCO tiada data terperinci berkenaan tahap pendidikan bagi golongan tersebut dan keperluan untuk mendapatkan data terperinci perlu dipanjangkan kepada pihak JTK.

4.2.5 Jawatankuasa mengambil maklum sasaran Y.B. EXCO berkenaan tahap peratusan pengangguran iaitu penurunan sebanyak 0.3% (dari 2.8% pada tahun 2019 kepada 2.5% untuk tahun 2020) dan perancangan Y.B. EXCO dalam menangani isu pengangguran di Selangor adalah seperti yang dinyatakan di bawah:-

- i) Mega JobFair dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja (JTK)
- ii) Mini JobFair di peringkat DUN dengan kerjasama PERKESO
- iii) Penubuhan Unit Bina Insan dan pembangunan sosial
- iv) Pemerkasaan Penggerak Belia Tempatan (PeBT)
- v) Pembangunan Sukan

4.2.6 Jawatankuasa mengambil maklum kekangan / cabaran utama Y.B. EXCO dalam melaksanakan program untuk tujuan memperkasakan golongan belia adalah kekangan kewangan.

4.2.6.1 Y.B. EXCO memberi contoh kekangan kewangan yang beliau hadapi seperti peruntukan untuk Pemerkasaan Generasi Muda hanya sebanyak 5.26 juta yang melibatkan 288 cawangan Penggerak Belia Tempatan (PeBT).

4.2.7 Jawatankuasa telah dimaklumkan berkenaan prestasi program JobFair di Selangor dan Y.B. EXCO memaklumkan bahawa pihaknya masih menunggu laporan program dari pihak JTK berkenaan maklum balas syarikat / majikan yang telah mengambil bahagian di dalam program tersebut bagi mengenal pasti punca kurangnya penawaran dan penempatan kerja diberikan kepada peserta / pencari kerja walaupun terdapat 11,000 peluang pekerjaan.

4.2.8 Jawatankuasa telah menyatakan cadangan / hasrat kepada Y.B. EXCO berkenaan ketiadaan program khusus untuk membantu rakyat memperolehi khidmat nasihat / kaunseling berkenaan cara membuat resume, tatacara temuduga, dan juga nasihat berkenaan bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan pencari kerja dari pelbagai aspek.

4.2.8.1 Y.B. EXCO telah bersetuju untuk meneliti kepentingan dan keberkesanan program sedemikian dan merancang untuk melaksanakan program tersebut dengan kerjasama pihak BPSM melalui program IKTISASS dengan pihak Selangor Human Resources Development Centre (SHRDC) pada masa akan datang.

4.2.9 Y.B. Pengerusi Jawatankuasa juga telah menyatakan cadangan / hasrat kepada Y.B. EXCO berkenaan usaha untuk mengurangkan pekerja warga asing yang boleh digantikan dengan pekerja tempatan yang berkemahiran di dalam industri. Antara usaha yang boleh dilaksanakan adalah dengan kerjasama bersama pihak MITI untuk membantu syarikat / kilang dalam meningkatkan tahap teknologi yang digunakan dan mengambil pekerja tempatan untuk mengendalikan mesin-mesin berteknologi tinggi tersebut.

4.3 Perbincangan Bersama Encik Daniyal Bin Mat Jusoh, Penolong Setiausaha (Pembangunan Sosial), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) adalah seperti berikut:-

4.3.1 Jawatankuasa mengambil maklum pelaksanaan program IKTISASS oleh kerajaan negeri adalah bermula pada tahun 2018 dan sejak pelaksanaan program tersebut, sebanyak 673 pelatih telah berjaya menamatkan kursus kemahiran di lapan (8) pusat latihan di bawah program IKTISASS seperti yang dinyatakan di bawah:-

- 1) Selangor Human Resources Development Centre (SHRDC)
- 2) Kolej Antarabangsa Inpens
- 3) SST & Consultancy Academy Sdn Bhd
- 4) Kolej Teknologi MEA
- 5) Kolej Antarabangsa Intra
- 6) Strand Aerospace Malaysia Sdn Bhd
- 7) TWI Service Sdn Bhd
- 8) German Malaysia Institute (GMI)

4.3.2 Jawatankuasa dimaklumkan bahawa pihak BPSM **tiada data** berkenaan status pekerjaan dan pendapatan pelatih yang telah berjaya menamatkan kursus di bawah program IKTISASS.

4.3.3 Jawatankuasa mengambil maklum sasaran jumlah pelatih pada tahun 2020 adalah melebihi 1,000 pelatih.

4.3.4 Jawatankuasa mengambil maklum yuran pengajian bagi pelatih di bawah program IKTISASS dibiayai oleh kerajaan negeri sepenuhnya.

4.3.5 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa tiada kursus bidang kompetensi Elektrik khusus berkenaan Penjaga Jentera Elektrik (*Chargeman*) di bawah program IKTISASS.

**5. TAKLIMAT TERBUKA BERSAMA WAKIL DARI GIATMARA, INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN), DAN KOLEJ KOMUNITI.**

5.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan taklimat terbuka bersama wakil dari Giatmara, IKBN, dan Kolej Komuniti pada 28 Januari 2020 taklimat tersebut telah dihadiri oleh ahli-ahli berikut:

- 1) Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran  
(ADN Bukit Gasing)
- 2) Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin  
(ADN Permatang)
- 3) Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof  
(ADN Dusun Tua)
- 4) Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni  
(ADN Sungai Kandis)
- 5) Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman  
(ADN Sabak)

5.2 Taklimat berkenaan kursus kemahiran yang ditawarkan oleh **GIATMARA** serta isu kebolehpasaran pelatih/pelajar telah disampaikan oleh Encik Azizan bin Bedin, Pengarah GIATMARA Selangor.

5.2.1 GIATMARA merupakan Pusat Latihan Teknikal dan Vokasional sepanjang hayat dibawah agensi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Pembangunan Luar bandar, yang mempunyai 23 cawangan di Negeri Selangor dan menawarkan 63 kursus. Misi GIATMARA adalah untuk mewujudkan tenaga kerja mahir dan usahawan Bumiputera dengan menawarkan

latihan kemahiran dalam pelbagai bidang berdasarkan keperluan setempat.

5.2.2 GIATMARA memaklumkan salah satu objektif institusi adalah membantu rakyat membasmi kemiskinan melalui tiga (3) medium (seperti yang dinyatakan dibawah) yang dapat membantu mereka menjana pendapatan dan/atau meningkatkan tahap pendapatan dan taraf hidup.

- i) Penawaran sijil kemahiran
- ii) Program keusahawanan
- iii) Peluang melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi

5.2.3 Sasaran pelatih adalah dari golongan 1) pelajar keciciran, 2) Golongan B40, 3) Suri rumah / Ibu Tunggal, 4) Pesara, 5) Pencari kerja dari golongan pekerja yang diberhentikan oleh majikan dan berdasarkan data yang diperolehi, Demografi Pelatih 2019, 92.66% pelatih merupakan golongan yang mempunyai SPM/setaraf dan kebawah dan selebihnya adalah dari golongan STPM/Setaraf (1.64%), SPMV/Setaraf (0.92%), Diploma (3.2%), Sarjana Muda (2.37%), dan Sarjana (0.13%). Manakala peratusan pelatih mengikut pecahan pendapatan isi rumah adalah 82% merupakan golongan B40.

5.2.4 Konsep Latihan yang ditawarkan oleh GIATMARA adalah fleksibel dimana pelatih bebas untuk mendaftar dan mengakhiri kursus latihan pada bila-bila masa dan sijil akan dikeluarkan mengikut tahap pembelajaran pelatih mengikut sistem Modular.

5.2.5 GIATMARA juga menawarkan kursus latihan kemahiran yang merangkumi aspek pembelajaran teori dan praktikal dengan nisbah 20 peratus pembelajaran melibatkan teori dan 80 peratus melibatkan pembelajaran secara praktikal (Teori:Praktikal -



20:80) serta terdapat juga aspek kemahiran insaniah melalui Modul pembangunan Sahsiah (PUJI).

5.2.6 Pelatih lepasan GIATMARA mempunyai pelbagai saluran selepas berjaya menamatkan latihan dan contohnya adalah seperti berikut:-

- i) Bagi pelatih yang ingin mencari kerja, pihak GIATMARA telah mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam industri (Industrial Collaboration) untuk menawarkan industri dengan pekerja mahir seperti kerjasama diantara GIATMARA dengan Syarikat Motor Yamaha melalui program Job Ready.
- ii) Manakala sekiranya pelatih ingin menceburi bidang keusahawanan, pihak GIATMARA ada menyediakan program untuk tujuan tersebut seperti program Mobilepreneur dan program Skills To Society (S2S).
- iii) Sekiranya terdapat pelatih yang ingin menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi, terdapat pelbagai institusi pendidikan tinggi di bawah kerangka pendidikan MARA seperti Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Majlis Amanah Rakyat (UniMara).

5.2.7 Berdasarkan Data Kebolehpasaran Pelatih Tahun 2018, sebanyak 85.26% pelatih berjaya memperoleh pekerjaan dan/atau menjana/meningkatkan pendapatan dan berjaya menyambung pelajaran. Data terperinci adalah seperti berikut:-

- 1) 33.66% pelatih bekerja dalam bidang
- 2) 12.11% pelatih bekerja luar bidang
- 3) 20.34% pelatih belajar dalam bidang
- 4) 12.35% pelatih belajar luar bidang

- 5) 5.8% pelatih menjadi usahawan dalam bidang
- 6) 1% pelatih menjadi usahawan luar bidang
- 7) 14.8% pelatih tidak bekerja

5.2.8 Terdapat juga data berkenaan Julat Gaji kebolehpasaran pelatih dan data menunjukkan majoriti pelatih iaitu 38.7% mempunyai julat gaji diantara RM1001 - RM1250. Data terperinci adalah seperti berikut:-

- i) 26.50% mempunyai julat gaji diantara RM500 - RM1,000
- ii) 38.70% mempunyai julat gaji diantara RM1,001 - RM1,250
- iii) 24.60% mempunyai julat gaji diantara RM1,251 - RM1,500
- iv) 7.80% mempunyai julat gaji diantara RM1,501 - RM2,000
- v) 2.4% mempunyai julat gaji diatas RM2,001

5.2.9 GIATMARA juga telah berkongsi kejayaan pelatih mereka yang berjaya mencemburi bidang keusahawanan dan berjaya menjana pendapatan sebanyak RM12,000 hingga RM60,000 sebulan.

5.2.10 Terdapat empat (4) Program Khas GIATMARA dan dua daripadanya bertujuan untuk menangani isu kebolehpasaran dan meningkatkan tahap pendapatan. Senarai Program adalah seperti berikut:-

- 1) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)
- 2) Program Peningkatan Pendapatan (PPP)
- 3) Program perumahan Rakyat termiskin (PPRT)
- 4) Program Penyelenggaraan Tahfiz (TAHFIZ)

5.3 Taklimat berkenaan kursus kemahiran yang ditawarkan oleh **IKBN** serta kebolehpasaran pekerja / pelatih telah disampaikan oleh Encik Shahidan bin Zainal, Ketua Cawangan Pengurusan Pelajar.

5.3.1 IKBN merupakan institut dibawah Kementerian Belia dan Sukan dan telah disatukan dengan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dan Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG) dibawah satu nama iaitu Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS).

5.3.2 Di Selangor, terdapat empat (4) cawangan ILKBS iaitu di Sepang, Dusun Tua, Kuala Langat, dan di Peretak dengan misi untuk menghasilkan belia yang berkemahiran, berdisiplin, berakhlak mulia dan berwawasan untuk keperluan tenaga kerja selaras dengan pembangunan negara.

5.3.3 Syarat kemasukan ke IKBN tidak memerlukan sijil SPM dan pelatih diwajibkan untuk tinggal di asrama sepanjang tempoh pengajian. Tempoh pengajian adalah bergantung kepada bidang (sijil kemahiran) yang diceburi di tiga (3) jabatan iaitu Jabatan Hospitaliti, Jabatan Tekstil, dan Jabatan Personal.

5.3.4 Terdapat pelbagai kemudahan dan bantuan bagi para pelatih yang disediakan oleh pihak IKBN dan antaranya adalah seperti berikut:-

- i) Makan dan minum percuma sepanjang pengajian
- ii) Elaun Latihan
- iii) Yuran yang berpatutan
- iv) Kos bahan ditanggung oleh kerajaan

5.3.5 Berdasarkan data enrolment pelajar di IKBN Peretak, terdapat 422 pelajar dan 93% graduan berjaya mendapat kerja

(berdasarkan Data Kebolehpasaran Graduan 2019) dengan purata gaji RM1423.61.

5.3.6 Pihak IKBN juga ada mengadakan kerjasama industri yang melibatkan 43 bilangan industri / syarikat MoU.

5.3.7 Terdapat juga program lain yang dijalankan seperti berikut:-

- 1) Bootcamp
- 2) Sijil Latihan Dual Nasional (SLDN)
- 3) Latihan Kemahiran Tak Formal (ILTF)
- 4) Star@youth
- 5) Program Incubator (Keusahawanan)
- 6) Job Order

5.4 Taklimat berkenaan kursus kemahiran yang ditawarkan oleh **Kolej Komuniti** serta kebolehpasaran pelatih / pelajar telah disampaikan oleh Puan Khalsa Apariza Bt. Mohs. Affami.

5.4.1 Kolej Komuniti atau Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) merupakan salah satu institut di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di bahagian Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Terdapat 103 ILKA di Malaysia dan di Selangor, terdapat 11 cawangan.

5.4.2 Berdasarkan data Kebolehpasaran Graduan bagi tahun 2019, 96.5% graduan Kolej Komuniti berjaya mendapat kerja.

5.4.3 Di Kolej Komuniti Shah Alam, antara objektif yang ingin dicapai adalah seperti berikut:-

- 1) Menganjurkan dan mewujudkan laluan alternatif kepada lepasan menengah.

- 2) Menganjur dan menyediakan pendidikan sepanjang hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan (*Learning Communities*)
- 3) Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran (*up skilling*) dan melatih semula (*reskilling*) untuk keperluan kerja setempat.
- 4) Menyediakan rangkaian strategik untuk pengukuhan aktiviti sosio-ekonomi di kalangan pelanggan setempat dan pihak berkepentingan (*stakeholders*).
- 5) Menyediakan kemudahan dan pilihan berpusatkan komuniti.

5.4.4 Terdapat dua jenis kursus yang ditawarkan di Kolej Komuniti Shah Alam iaitu Sijil Sepenuh Masa dalam bidang Rekabentuk Dalaman dan Kursus Pendek dalam pelbagai bidang.

5.4.4.1 Bagi pelajar yang berjaya menamatkan kursus Sijil Sepenuh Masa mempunyai peluang untuk menyambung pelajaran ke IPT (Kolej Kemahiran Tinggi MARA atau Politeknik) bidang berkaitan yang lebih khusus.

5.4.4.2 Terdapat juga peluang perniagaan bagi graduan yang berminat.

## 6. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 6.1 Jawatankuasa mendapati usaha / program yang dianjurkan oleh JobsMalaysia dengan kerjasama kerajaan negeri seperti JobFair tidak mencukupi dalam membantu golongan pencari kerja mendapatkan pekerjaan yang menawarkan pendapatan yang tinggi.
- 6.2 Buat masa ini, inisiatif kerajaan negeri lebih menjurus kepada bantuan kewangan (HIJRAH) / alatan kepada rakyat yang ingin memulakan

atau mengembangkan perniagaan / perusahaan (Blueprint) dan juga latihan kemahiran TVET yang asas (IKTISASS). Jawatankuasa juga mendapati kerajaan Selangor hanya memberi fokus untuk menawarkan peluang pendidikan dalam bidang TVET kepada pelajar. Tiada inisiatif baru dalam membantu rakyat mendapatkan pekerjaan yang lebih baik melalui pemberian bantuan kewangan untuk mengikuti kursus-kursus khusus atau profesional dalam bidang kemahiran tertentu (upskilling) bagi mereka yang telah pun mempunyai pekerjaan.

6.3 Jawatankuasa telah mengenalpasti beberapa kes di mana hasil pendapatan meningkat seiring dengan peningkatan tahap kemahiran oleh pekerja / pencari kerja dan kemahiran tersebut sangat diperlukan di dalam industri seperti yang dinyatakan dibawah:-

- 1) Bagi seseorang yang mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan yang setaraf dengannya dalam bidang Elektrik, boleh mendapat tawaran pekerjaan dengan pendapatan yang lebih tinggi sekiranya mereka memiliki Sijil Kompeten Penjaga Jentera Elektrik (*chargeman*) yang ditauliahkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).
- 2) Bagi seseorang yang bekerja dengan mempraktikkan kemahiran memandu seperti pemandu Teksi, mereka boleh meningkatkan pendapatan mereka sekiranya mereka memiliki lesen memandu untuk kelas kenderaan (Lesen Memandu Kompeten (CDL) seperti GDL dan PSV) yang membolehkan mereka untuk menjadi pemandu Bas seperti Rapid KL atau pemandu lori dengan pendapatan yang lebih tinggi.

6.4 Jawatankuasa mendapati pihak BPSM tiada data berkenaan status pekerjaan dan pendapatan pelatih yang telah berjaya menamatkan kursus di bawah program IKTISASS.

## 7. SARANAN JAWATANKUASA

- 7.1 Jawatankuasa berpendapat perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pusat JobsMalaysia dan program-program job fair harus ditambah baik dengan mewujudkan **pusat-pusat khas** untuk membantu rakyat memperoleh khidmat nasihat / kaunseling berkenaan cara membuat resume, tatacara temuduga, dan juga nasihat berkenaan bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan pencari kerja dari pelbagai aspek. Pusat-pusat khas ini bertujuan untuk membantu rakyat meningkatkan tahap keboleherjaan dan kebolehpasaran mereka agar mendapat pendapatan / gaji yang lebih baik dan mengurangkan tahap kemiskinan.
- 7.2 Jawatankuasa mencadangkan kerajaan negeri menyediakan peruntukan kewangan untuk meningkatkan tahap kemahiran keboleherjaan (*employability*) iaitu kemahiran dan kualiti individu yang dikehendaki oleh para majikan seperti kemahiran komunikasi (lisan dan bukan lisan), penyelesaian masalah, dan pemikiran kritis kepada pekerja dan pencari kerja di Selangor.
- 7.3 Jawatankuasa berpendapat kerajaan negeri perlu menyediakan kemudahan pinjaman kewangan kepada pekerja yang ingin memperoleh atau meningkatkan tahap Kemahiran Teknikal (*hard skills*) dan memperoleh sijil kelayakan agar ia dapat meningkatkan peluang mereka untuk menjawat jawatan yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi seperti kemahiran dalam Bidang Kompetensi Kimpalan (*welding*) atau Elektrik (*chargemen*).
- 7.4 Jawatankuasa berpendapat kerajaan negeri perlu meluaskan bidang-bidang yang ditawarkan dalam program IKTISASS mengikut keperluan industri / pasaran kerja.
- 7.5 Jawatankuasa mencadangkan agar kerajaan memantau status pekerjaan dan tahap pendapatan pelatih-pelatih (sebelum dan selepas

kursus) yang telah berjaya menamatkan kursus di bawah program IKTISASS supaya kejayaan program ini untuk meningkatkan pendapatan peserta dapat diukur.



## 8. PERAKUAN

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan Dan Pembangunan Modal Insan, Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor (JTK) dan Jobsmalaysia, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Giatmara, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kolej Komuniti dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini disediakan oleh Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan dalam mesyuarat jawatankuasa Bil. 6/2020 pada 12 Februari 2020.

Disahkan oleh:



.....  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas  
Pembasmian Kemiskinan

## **AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- |    |                                                                       |           |
|----|-----------------------------------------------------------------------|-----------|
| 1) | Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran<br>(ADN Kawasan Bukit Gasing)         | Pengerusi |
| 2) | Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin<br>(ADN Kawasan Permatang)       | Ahli      |
| 3) | Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni<br>(ADN Kawasan Sungai Kandis) | Ahli      |
| 4) | Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof<br>(ADN Kawasan Dusun Tua)       | Ahli      |
| 5) | Y.B. Tuan Chua Wei Kiat<br>(ADN Kawasan Rawang)                       | Ahli      |
| 6) | Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin<br>(ADN Kawasan Sungai Panjang)      | Ahli      |
| 7) | Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman<br>(ADN Kawasan Sabak)             | Ahli      |

### **URUS SETIA**

- 1) Puan Gayathri a/p Jaya Kumar  
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- 2) Encik Muhajirih bin Ahmad  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- 3) Encik Mohmad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Setiausaha Pejabat (Dewan)
- 4) Cik Siti Khadijah binti Maarof  
Pegawai Penyelidik

### **PEGAWAI-PEGAWAI YANG TURUT HADIR SEMASA MESYUARAT JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SELANGOR (JTK)**

- 1) Encik Ahmad Mudi Onn bin Nor (Pengarah)
- 2) Encik Mohd Azizi bin Mohd Nasir (Penolong Pengarah)
- 3) Encik Mohd Yusri bin Mustafa Kamal (Pembantu Pegawai)
- 4) Encik Luqman Ariffin bin Zul Azman (Pembantu Pegawai)

### **PEJABAT Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan**

- 1) Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Pengerusi Jawatankuasa Tetap  
Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan)
- 2) Encik Khairul Rizal Bin Kheli Kuzzaman (Setiausaha Kanan)
- 3) Encik Mohd Syafiq Bin Mazlan (Pegawai Penyelaras)
- 4) Puan Asyikin Abd Latif (Setiausaha Kerja)

### **BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)**

- 1) Encik Daniyal Bin Mat Jusoh (Penolong Setiausaha, Pembangunan Sosial)
- 2) Encik Mohamad Rashid Hamid (Pegawai Tadbir Kanan)
- 3) Puan Nurrahul Azza Mazlan (Pegawai Tadbir)

## **GIATMARA**

- 1) Encik Azizan bin Bedin (Pengarah GIATMARA Selangor)
- 2) Encik Saiful Redzuan bin Abdul Shukor (Pengurus GIATMARA Kota Raja)
- 3) Cik Sharifah Nuarain binti Syed Abdul Rahim (Pengurus GIATMARA Kelana Jaya)
- 4) Puan Asnita binti Masdar (Pengurus GIATMARA Kuala Selangor)

## **INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN), PERETAK**

- 1) Encik Shahidan bin Zainal (Ketua Cawangan Pengurusan Pelajar)
- 2) Puan Azini binti Ismail (Ketua Unit Kerjaya)

## **KOLEJ KOMUNITI, SHAH ALAM**

- 1) Encik Muhapis Bin A. Hakim (Pengarah)
- 2) Puan Khalsa Apariza Bt. Mohs. Affami (PPPT)
- 3) Encik Karthik A/L Thiagarajan (PPPT)